

'Umat Islam boleh terima unsur baik agama lain'

Malaysiakini.com

July 19, 2011

Umat Islam di negara ini boleh menerima unsur kebaikan yang terdapat dalam agama lain tetapi tidak boleh mengakui semua agama adalah sama baik dan benar seperti agama Islam, kata bekas perdana menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut beliau yang juga Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), agama Islam berbeza dari agama lain yang terdapat di dunia kerana ia melibatkan wahyu yang lengkap dan sempurna serta ia merangkumi semua aspek kehidupan manusia.

Teks ucapan Abdullah dibacakan oleh Ketua Pengarah IKIM Datuk Nik Mustapha Nik Hasan ketika merasmikan seminar al-Quran dan cabaran pluralisme (kepelbagaian) agama dengan tema "Pengajaran masa Lalu, keperihalan semasa dan hala tuju masa depan".

Bagaimanapun, dalam soal pentadbiran negara, kebajikan rakyat yang menganut agama lain tidak boleh diabaikan sebaliknya mereka perlu diberi ruang mengamalkan agama mereka dengan aman dan tenteram, kata Abdullah.

"Selain daripada sifat muhibah yang dipupuk agama Islam, juga menjadi kewajipan dalam agama kita ini sifat dan amalan berpegang teguh pada janji yang baik yang telah dimeterai termasuk dengan penganut agama lain," katanya.

Menurut Abdullah, semua isu melibatkan agama di Malaysia perlu diselesaikan dengan adil dan dalam semangat saling menghormati terhadap lunas agama yang umum sifatnya.

IKIM dengan sokongan Jabatan Perdana Menteri hari ini menganjurkan seminar berkenaan sehingga esok untuk membincang isu kepelbagaian agama serta mengambil pendekatan al-Quran untuk menyelesaikan isu kepelbagaian kaum di negara ini.

Sebanyak 11 kertas kerja akan dibentangkan dan dibahas oleh para penyelidik IKIM dan juga penyelidik daripada institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara.

Pada majlis itu juga IKIM turut melancarkan tiga buah buku bertajuk Kreativiti dan Imajinasi Dalam Psikologi Islami, Pemahaman dan Penghayatan Nilai Menjana Kepada Prestasi serta Islam Kreativiti dan Inovasi untuk digunakan orang ramai sebagai rujukan.

--Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

<http://www.malaysiakini.com/news/170373>